

20 FEB 2003

Sukan-Hafiz (Imbuan)

IMBUHAN PERLU TETAPI JANGAN SAMPAI MELAMPAU, KATA BAPA HAFIZ

KOTA BAHARU, 20 Feb (Bernama) -- Bapa kepada juara baru Seluruh England, Muhammad Hafiz Hashim menyifatkan pemberian imbuan memang perlu kepada ahli sukan yang telah mengharumkan nama negara, tetapi janganlah sampai ke peringkat "keterlaluan".

Hashim Ikhsan, 67, berpendapat imbuan itu hanya sebagai dorongan kepada ahli sukan berkenaan sebagai menghargai jasa mereka seperti yang telah dilakukan oleh Hafiz yang menjuarai Seluruh England baru-baru ini.

"Saya tetap berpendapat pemberian imbuan ini perlu tetapi saya bersetuju jangan sampai keterlaluan," katanya kepada pemberita ketika menyambut kepulangan anaknya itu di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengulas kejayaan Hafiz sebelum ini meminta semua pihak tidak terlalu "memanjakan" Hafiz dengan memberikan imbuan yang keterlaluan kerana dikhuatiri akan merosakkan masa depan pemain itu pada masa depan.

Hashim yang mengulas perkara itu berkata jika tidak diberi imbuan ia seperti "membunuh" karier pemain iaitu seolah-olah tidak menghargai jasa mereka.

"Imbuan itu perlu diberi setimpal dengan kejayaan pemain dan jika tidak diberi tentulah mereka kempunan," katanya.

Mengenai keputusan Hafiz menyertai program Konstabel Tambahan Polis, Hashim menyokong penuh keputusan anaknya itu.

Katanya beliau begitu bergembira dan berbangga kerana anak-anaknya itu menyertai polis yang terkenal dengan disiplin tinggi.

"Kerja polis ini jaga negara dan disiplin dia tinggi dan sesuai bagi pemain seperti anak-anak saya ni," katanya.

Abang Hafiz, Muhammad Roslin Hashim juga turut menyertai program itu.

Sementara itu, Hafiz berkata beliau sedikitpun tidak merasa terkilan dengan kenyataan Perdana Menteri itu sebaliknya bersetuju pemberian imbuan itu tidaklah keterlaluan.

"Saya setuju sebab mana-mana pemain yang akan dapat lebih ganjaran prestasi dia akan cepat merosot kerana dia leka dengan kesenangan," katanya.

Sementara itu Pengerusi Majlis Sukan Negeri (MSN) Kelantan, Datuk Mohamed Fatmi Che Salleh berkata pihaknya juga bercadang untuk memberikan insentif yang sesuai kepada Hafiz yang telah mengharumkan nama negara dan Kelantan itu.

"Ini kita akan fikirkan dalam bentuk mana," katanya. katanya.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula meminta beliau yang terlibat dengan gejala lepak supaya mencontohi kegigihan Hafiz mengharumkan nama negara itu.

Beliau berkata apa yang telah dilakukan oleh Hafiz yang juga anak kelahiran Kelantan itu sudah tentu akan membanggakan keluarga, negeri dan negara.

"Belia lepak ni buatlah sesuatu (berfaedah) yang mengejutkan bukan sahaja di Kelantan dan negara, malah kepada dunia kerana duduk lepak tak ada siapa pun yang suka...mak bapa marah, negeri marah dan negara pun marah," katanya.

Beliau berkata rakyat Kelantan bergembira dengan kejayaan Hafiz kerana ia bukti kejayaan anak Kelantan di perantauan.

Katanya, anak Kelantan yang berhijrah ke luar Kelantan sebenarnya

berusaha untuk memperbaiki diri dan kemudian menjadi ahli sukan atau korporat yang terkenal.

"Mereka bukan pergi melepak tetapi cuba membantu rakyat di negeri yang mereka hijrah itu dan akhirnya berjaya," katanya.

Nik Aziz turut menafikan kerajaan negeri meminggirkan bantuan kepada program sukan di Kelantan, sebaliknya memberi alasan ia disebabkan kekurangan sumber kewangan.

Katanya kerajaan negeri memberikan tumpuan kepada perkara yang lebih penting seperti pelajaran dan meningkatkan mutu pertanian.

"Jika ada lebih daripada itu barulah kita peruntukkan untuk soal lain seperti sukan ini dan kita minta semua pihak memahami perkara itu.

-- BERNAMA

ZI MNR BD ZB